

20 JUN 1998

BSKL DILIHAT BERGERAK DI ATAS FAKTOR-FAKTOR LUARAN MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Pergerakan Bursa Saham Kuala Lumpur minggu depan, akan bergantung kepada faktor-faktor luaran, kata para broker.

Mereka menjangka yen akan terus lemah jika timbala-timbala menteri kewangan negara-negara Kumpulan Tujuh (G7), yang bermesyuarat di Jepun Sabtu, gagal mencapai persetujuan mengenai bagaimana menstabilkan yen.

"Dengan ketiadaan petunjuk-petunjuk yang positif di samping arah haluan yang tidak menentu yen berbanding dolar AS, akan menyebabkan harga-harga saham bergerak tidak menentu," kata seorang broker.

Beliau menambah kata beberapa pembelian semasa saham berharga murah memasuki minggu depan adalah berkemungkinan kerana saham-saham adalah "murah dan tepat untuk pembelian."

"Tetapi, banyak pelabur individu masih memilih untuk berada di luar dan menyimpan rizab tunai mereka semasa sukar seperti sekarang," kata seorang peniaga lain, sambil menambah bahawa banyak pelabur berpendapat bahawa "wang adalah raja" pada ketika ini.

Seorang penganalisis berkata pengumuman kerajaan hari Khamis bahawa ia merancang untuk memperuntukkan tambahan RM7.031 bilion untuk meletakkan semula ekonomi di atas asasnya adalah dilihat sebagai positif oleh pasaran.

"Bagaimanapun, lebih banyak maklumat mengenai rancangan itu sepatutnya diumumkan," tambahnya.

Sehingga itu, aktiviti belian dijangka terus lemah kerana para pelabur menunggu maklumat tambahan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah berkata hari Khamis bahawa butiran terperinci mengenai program "timbang balas kitaran" itu akan diumumkan pada hari Ahad.

Bagi minggu yang baru berakhir, pasaran melalui minggu dagangan tidak menentu dengan harga turun dengan mendadak selama dua hari berturut-turut, pada permulaan minggu, diikuti oleh pantulan mendadak hari Rabu dan Khamis.

Kejatuhan mendadak yen berbanding dolar AS, yang susut serendah 147 kepada setiap dolar pada pertengahan minggu, menyebabkan pasaran-pasaran saham dan matawang serantau, termasuk ringgit dan BSKL menjunam.

Kegelisahan juga meningkat apabila perhimpunan agung UMNO semakin hampir kerana banyak peniaga juga mencari petunjuk-petunjuk lebih positif daripada Perdana Menteri, yang juga presiden UMNO, berkaitan dengan kedudukan ekonomi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata hari Jumaat, semasa perhimpunan agung UMNO, bahawa kuasa-kuasa asing sedang cuba menakluki Malaysia dengan merosakkan ekonomi dan berusaha menggugat kerajaan.

Pengambilan untung hari Jumaat dan kelemahan berterusan pasaran-pasaran saham serantau menyeret turun nilai yang para peniaga berkata adalah petanda jelas bahawa masalah-masalah asas ekonomi adalah jauh sekali daripada selesai.

"Tiada sokongan belian susulan memandangkan asas-asas ekonomi negara tidak berubah," kata seorang peniaga yang menunjuk kepada hakikat bahawa kebimbangan utama yang menyelubungi bursa tempatan ialah masalah ekonomi rantau ini.

Sementara itu di rantai dagangan minggu ini, Indeks Komposit BSKL jatuh 4.76 mata kepada 467.61 dan indeks EMAS seluruh saham papan utama susut 2.32 mata kepada 119.70.

Indeks Perusahaan jatuh 40.84 mata kepada 909.51 manakala Indeks Papan

Kedua jatuh 2.73 mata kepada 103.63 mata.

Jumlah dagangan papan utama meningkat kepada 664.250 juta saham bernilai RM1.488 bilion daripada minggu lalu 511.681 juta saham bernilai RM1.209 bilion.

Jumlah dagangan papan kedua naik sedikit kepada 33.186 juta saham bernilai RM49.817 juta berbanding 32.906 juta saham bernilai RM48.698 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan langsung meningkat dengan mendadak kepada 109.565 juta saham bernilai RM150.961 juta berbanding 42.287 juta saham bernilai RM140.447 juta yang dicatatkan minggu lalu.

Antara kaunter yang digantung dalam minggu ini ialah Farlim Group, Timbermaster Industries dan Best World Land Bhd.

Senarai 10 saham paling atas minggu ini termasuk Magnum, yang naik 13 sen kepada RM1.42 pada jumlah dagangan sebanyak 53.911 juta saham. Tenaga Nasional naik 20 sen kepada RM5.75 (27.394 juta saham), Maybank tidak berubah pada RM4.60 (24.347 juta saham), Telekom naik 35 sen kepada RM7.00 (23.872 juta saham), RHB Capital jatuh dua sen kepada RM1.83 (23.249 juta saham).

Sime Darby bertambah 16 sen menjadi RM2.99 (20.831 juta saham), UE(M) rugi sembilan sen kepada RM1.82 (19.592 juta saham), Commerce Asset bertambah tujuh sen kepada RM1.82 (13.076 juta saham), MRCB naik empat sen kepada RM1.09 (11.739 juta saham) manakala Renong susut dua sen menjadi RM0.71 sen (10.118 juta saham).

Pada asas sektor di papan utama, barangan pengguna menyumbang 43.504 juta saham, barangan industri 47.870 juta saham, pembinaan 65.268 juta saham, dagangan/perkhidmatan 241.694 juta saham, infrastruktur 5.174 juta saham dan kewangan 128.341 juta saham.

Hotel menyumbang 1.399 juta saham diniagakan, harta 61.875 juta saham, peladangan 23.958 juta saham, perlombongan 2.140 juta saham, amanah 594,000 saham, dana tertutup 185,200 saham, pinjaman 13.113 juta saham dan TSR/Warrant 29.130 juta saham. -- BERNAMA

DVS MFJ OS